

Hukum Berkhatan

Anisah Ab. Ghani

Abstract

The article focuses itself on khatan or circumcision. The article traces its practice to the earliest period of Islam and how it is made compulsory on the male Muslims. The advantages of the practice are also elaborated from the religious as well as the health perspectives.

Pendahuluan

Dalam bahasa Arab “khatan” disebut “*khitan*” yang bererti tempat yang dipotong pada zakar dan faraj wanita.¹ “*Khitan*” juga bererti memotong *qulfah*, iaitu kulit yang menutupi kepala zakar.² Sedangkan bagi wanita ia dinamakan *khafd* iaitu merendahkan.³

Dalam kamus Dewan ia diertikan sebagai memotong kulup. Berkhatan ertinya bersunat iaitu memotong kulup orang Islam.⁴

Dalam istilah syarak, khatan bagi orang lelaki bermaksud membuang kulit yang mengelilingi *hasyafah* atau kepala zakar.⁵ Kata al-Mawardi, khatan lelaki ialah memotong kulit yang meliputi kepada zakar, iaitu yang dikenali sebagai *qalafah*⁶ atau

“*kulub*”. Sedang bagi perempuan pula ialah memotong bahagian atau kelentit yang terdapat di atas faraj.⁷ Kata Muhammad Ali Qutub, kelentit ditutup oleh selapis kulit yang dinamai “Fresulum”. Bahagian inilah yang dibuang semasa berkhatan.⁸

Kadar yang perlu dipotong hanya sedikit sahaja, iaitu puncak atau kulub kelentit. Cara ini telah dijelaskan dalam hadis riwayat Ummi ‘Attiyah r.a. bahawa: Di Madinah seorang perempuan telah mengkhatakan (seorang perempuan) lalu Rasulullah s. ‘a.w. bersabda kepadanya: “*Jangan kamu terlalu banyak merendhaknya (terlalu banyak memotong) sesungguhnya ia sangat disayangi oleh wanita dan amat disukai oleh suami.*”⁹ Dalam satu riwayat lain dijelaskan baginda sendiri mengarahkan Ummi ‘Attiyah supaya apabila beliau mengkhatakan, biarlah bahagian itu menonjol dan janganlah terlalu banyak merendhaknya (terlalu banyak memotong) kerana ia memperelokan wajah dan amat digemari oleh suami.¹⁰

Kedua-dua hadis tersebut menunjukkan Rasulullah mengarahkan supaya kadar yang dipotong itu sedikit sahaja. Baginda melarang keras memotong secara berlebihan, seperti yang berlaku di zaman Firaun di Mesir dan di negara-negara Islam lain di Afrika.

Sejarah Khatan

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim menjelaskan khatan salah satu dari lima perkara fitrah, iaitu di samping membuang bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, menggunting misai dan memotong kuku.¹¹ Tujuannya ialah untuk membersihkan zahir manusia. Bagi lelaki ia merupakan amalan tertua. Ia telah dilakukan lebih dari 6,000 tahun lalu, iaitu sejak zaman Nabi Ibrahim ‘a.s.¹²

Ada dua hadis Rasulullah s. ‘a.w. yang menjelaskan khatan Nabi Ibrahim. Pertama hadis yang menyebut bahawa Nabi Ibrahim ‘a.s. berkhatan ketika berumur lapan puluh tahun. Beliau berkhatan dengan menggunakan *alqadam* iaitu sejenis alat menukang kayu.¹³ Hadis yang kedua ialah yang menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim ‘a.s. adalah orang yang pertama berkhatan.¹⁴

Amalan demikian kemudiannya telah diikuti oleh para nabi berikutnya sehinggalah ke zaman Nabi Muhammad s. ‘a.w. dan seterusnya diamalkan di kalangan umat Islam.

Nabi Muhammad s. ‘a.w. juga berkhatan. Ada pendapat yang mengatakan baginda dilahirkan dalam keadaan sudah berkhatan. Ada yang mengatakan baginda dikhatankan oleh malaikat semasa membelah dadanya. Ada juga yang berpendapat baginda dikhatankan oleh datuknya Abdul Mutalib pada hari ketujuh selepas kelahirannya.¹⁵

Rasulullah sendiri mengkhatakan cucunya Hasan dan Husin pada hari ketujuh dari kelahiran mereka.¹⁶ Amalan Nabi Muhammad s. ‘a.w. ini telah diamalkan oleh keluarga Islam di seluruh dunia.

Khatan bagi wanita juga mula diamalkan di zaman Nabi Ibrahim ‘a.s. Isterinya Sarah telah dikhatankan. Menurut riwayat, apabila Hajar mengandung, Sarah merasa cemburu, lalu bersumpah hendak memotong tiga dari anggotanya sendiri. Nabi

Hukum Berkhatan

Ibrahim 'a.s. bimbang Sarah akan memotong hidung dan telinganya. Lalu baginda menyuruh di lubangkan kedua-dua telinga Sarah dan dikhatankan.¹⁷ Kemudian amalan ini menjadi sunah bagi wanita. Tiada siapa pun mengingkarinya.

Khatan wanita juga dilakukan pada zaman Firaun. Mami perempuan Mesir telah mengamalkannya. Ia juga diamalkan di Afrika, Ethiopia dan Sudan.

Amalan ini terus dilakukan di merata dunia termasuk Malaysia. Sesetengah mereka menganggapnya sebagai adat dan sesetengah yang lain menganggapnya sebagai kepercayaan agama.

Nas Mengenai Khatan

Ada dua hadis yang menaskan amalan khatan. Pertama, hadis riwayat Bukhari dan Muslim. Rasulullah s. 'a.w. menjelaskan bahawa ada lima perkara yang menjadi fitrah manusia iaitu berkhatan, membuang bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, menggunting misai dan memotong kuku.¹⁸ Kedua hadis riwayat Ammar bin Yasir yang menjelaskan bahawa di antara perkara fitrah ialah berkumur, menghisap air ke hidung, menggunting misai, bersugi, memotong kuku, mencabut bulu ketiak, membuang bulu ari-ari dan berkhatan.¹⁹

Hukum Berkhatan

Para fuqaha telah sepakat bahawa khatan bagi lelaki adalah sunnah Rasulullah s. 'a.w. Jumhur berpendapat khatan bagi lelaki adalah wajib. Malah Imam Malik berpendapat, lelaki yang tidak berkhatan tidak sah menjadi imam solat dan kesaksiannya ditolak.²⁰ Ibn 'Abbas menyebut tidak halal sembelihannya.²¹

Alasan yang dikemukakan ialah ayat 123 surah *al-Nahi* yang mengarahkan Nabi Muhammad s. 'a.w. supaya mengikut *millah* (agama) Nabi Ibrahim. Di antara ajaran *millah* Nabi Ibrahim ialah berkhatan.

Alasan kedua ialah hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud yang menyebut bahawa datuk kepada 'Uthaim bin Kulaib telah mengadap Rasulullah s. 'a.w. dan berkata: "Aku telah Islam." Lalu Rasulullah s. 'a.w. bersabda: "Cukurlah rambut zaman kafirmu dan berkhatanlah."²² Juga hadis Rasulullah s. 'a.w. yang mengarahkan sesiapa yang memeluk Islam supaya dikhatankan meskipun dia sudah tua.²³

Meskipun hadis-hadis di atas dikatakan dhaif (lemah), tetapi saling memperkukuhkan antara satu sama lain. Di samping itu kulup boleh merosakkan taharah dan solat. Kulup yang menutupi kepala zakar itu juga selalu terkena air kencing dan sukar dibersihkan. Oleh itu kesahihan taharah dan solat bergantung kepada khatan.

Ulama berselisih pendapat tentang hukum khatan bagi perempuan. Imam Syafi'i dan satu riwayat dari Imam Ahmad mewajibkannya sama seperti lelaki.²⁴ Alasan mereka ialah hadis-hadis yang mewajibkan khatan bagi lelaki sepertimana yang tersebut di atas.

Bagi mereka, hadis-hadis tersebut merangkumi lelaki dan wanita. Kerana

lafaznya umum.²⁵ Huraian yang sama juga diberikan terhadap sabda Rasulullah s. 'a.w. yang menyebut secara tepat sesiapa yang memeluk Islam ia mestilah dikhatankan meskipun ia sudah tua.²⁶

Riwayat lain dari Imam Ahmad pula menyatakan khatan tidak diwajibkan ke atas perempuan. Begitupun ia merupakan sunnah yang sangat dimuliakan. Pendapat ini telah menjadi pegangan majoriti ulama.²⁷ Ia diperkuatkan dengan hadis-hadis Rasulullah s. 'a.w., yang menjelaskan bahawa "Khatan adalah sunnah untuk lelaki dan suatu kemuliaan untuk wanita",²⁸ "Khatan itu mahkota wanita dan sangat disukai oleh suami."²⁹ dan "Apabila bertemu dua khatan (zakar dan faraj) maka wajiblah mandi."³⁰

Hadis-hadis di atas menunjukkan khatan bagi perempuan adalah sunat, bukan wajib. Ia disyariatkan kepada lelaki dan perempuan, untuk membezakan antara orang Islam dan orang kafir. Oleh sebab itu orang yang baru memeluk Islam dikehendaki berkhatan, tidak kira lelaki atau perempuan.

Dr. Yusuf Qaradhawi berpendapat khatan anak perempuan terserah kepada ibu bapanya. Mereka yang berpendapat ianya baik, elok melakukannya. Mengikut beliau lagi, mereka yang tidak melakukannya juga tidak berdosa. Kerana ada sesetengah ulama berpendapat khatan anak perempuan suatu kemuliaan sahaja. Namun begitu beliau berpendapat mengkhatan anak perempuan adalah lebih baik.³¹

Al-Imam al-Akbar Mahmud Syaltut berpendapat, hukum berkhatan bagi lelaki dan perempuan bukan berasaskan kepada nas-nas naqli, tetapi kepada kaedah umum Syariah iaitu "syarak tidak mengharuskan menyiksa sesuatu yang hidup kecuali ada kemaslahatan." Sehubungan dengan ini beliau mengulas, khatan bagi lelaki ada kemaslahatan yang perlu dijaga, iaitu menghindarkan jangkitan kuman yang menyebabkan kanser zakar atau penyakit lain. Tetapi tidak ada masalah yang perlu dijaga dalam persoalan khatan anak perempuan. Berkhatan atau tidak sama sahaja. Menurut beliau lagi lemah atau kuat nafsu seseorang perempuan disebabkan oleh pembinaan hormon-hormon di dalam diri seseorang. Begitu juga berakhlak atau tidak berakhlak seseorang itu bergantung kepada sejauhmana pendidikan akhlak, suasana masyarakat dan keperhatian ibubapa dalam mendidik anak-anak. Ia tidak bergantung kepada khatan atau tidak. Oleh itu khatan bagi perempuan bukan kerana tuntutan syarak, akhlak dan kesihatan. Ia didasarkan kepada fitrah manusia³² semata-mata.

Walaupun ulama berbeza pandangan tentang hukum khatan bagi wanita, namun sebagai umat Muhammad s. 'a.w. masyarakat Islam sepatutnya mengamalkannya. Kerana ia termasuk dalam lingkungan suruhan Rasulullah s. 'a.w. Pengabaian terhadap amalan ini bererti mengenyepikan salah satu dari amalan baginda. Di samping itu masih ada hadis yang menjelaskan khatan itu satu kemuliaan kepada wanita. Mungkin setakat ini belum dikenal pasti masalahat disebalik amalan khatan-wanita. Banyak ibadat lain juga terus diamalkan walaupun tidak diketahui masalahat dan hikmatnya.

Hikmat Khatan

Khatan mempunyai hikmat dan kebaikan di sudut keagamaan dan faedah daripada sudut kesihatan. Mengikut Abdullah Nasih Ulwan, di antara kelebihan disudut keagamaan ialah:³³

- (1) Ia termasuk dalam lingkungan perkara fitrah, syiar Islam dan lambang syariat.
- (2) Ia merupakan satu kesempurnaan pada kesucian yang telah disyariatkan oleh Allah melalui lisan Nabi Ibrahim. Ia dapat memupuk hati dengan rasa tauhid dan keimanan. Ia juga memupuk anggota badan dengan unsur-unsur kefitrahan.
- (3) Berkhatan dapat membezakan antara orang Islam dengan penganut ajaran lain.

Antara faedah kesihatan pula ialah:

- (1) Membersihkan kekotoran yang terlindung dan terkumpul di bahagian tersebut.
- (2) Ia boleh menghindarkan jangkitan penyakit.
- (3) Ada orang berpendapat ia dapat mengurangkan nafsu, keruntuhan moral serta mengawal akhlak. Rasulullah s. 'a.w. telah mengingatkan cara mengkhatan wanita yang dapat mengawal kesihatan rumahtangga. "Janganlah memotong terlalu banyak yang demikian itu mahkota wanita dan sangat disukai oleh suami."³⁴ "Apabila engkau mengkhatan biarlah bahagian itu menonjol dan janganlah kamu banyak merendhkannya kerana yang demikian itu memperelokkan wajah dan disukai oleh suami."³⁵

Menurut Imam Ibnu al-Qayyim, hadis ini menunjukkan kelentit tidak sepatutnya dipotong terlalu banyak kerana ia akan melemahkan nafsu wanita dan tidak digemari oleh suami. Sebaliknya kalau ia tidak langsung dipotong nafsu perempuan berkenaan akan melebihi batas. Oleh itu kadar yang sepatutnya dipotong ialah kadar yang dapat mengimbangi antara dua keadaan tersebut.³⁶

Khatan dari Sudut Perubatan

Kebanyakan doktor tidak memperakukan kepentingan berkhatan atas sebab-sebab kesihatan. Oleh itu kebanyakan permintaan untuk mengkhatankan anak-anak telah dijalankan atas sebab-sebab agama. Malah ada pendapat yang mengatakan amalan berkhatan anak lelaki dan perempuan boleh melemahkan syahwat mereka,³⁷ tetapi hujjah ini sukar untuk dibuktikan.

Namun demikian ada doktor yang mengakui khatan bagi lelaki dan perempuan besar faedahnya. Di antara lain:

- (1) Dengan berkhatan seseorang itu akan terselamat dari bau busuk dan tengik yang disebabkan oleh peluh yang terkumpul pada kulub zakar dan kelentit (*clitoris*). Zat lemak yang dinamakan spegma ini sangat busuk baunya dan tajam. Ia boleh memadamkan berahi pasangannya semasa persetubuhan.³⁸
- (2) Dapat menghalang dari terkena penyakit kanser kerana spegma merupakan perangsang bagi timbulnya penyakit kanser zakar dan leher rahim, di mana virus yang terdapat pada spegma akan berpindah kepada zakar dan masuk ke

dalam faraj.³⁹

Dr. Ali Akbar berpendapat, di dalam spegma terdapat virus yang boleh menyebabkan kanser pada zakar lelaki apabila bersetubuh, maka virus ini akan berpindah ke dalam faraj, lalu menyebabkan kanser rahim.⁴⁰

- (3) Jika disegerakan khatan pada kanak-kanak dapat menghindarkannya dari tabiat atau kebiasaan kencing di waktu malam.
- (4) Khatan dapat mengurangkan kegiatan sulit (onani) bagi orang yang sudah baligh.⁴¹ Perbuatan onani ini adalah disebabkan oleh bahagian yang berlebihan itu akan tergeser dengan pakaian yang dipakai dan menyebabkan rasa geli dan akan menaikkan nafsu terutamanya bagi wanita.

Dr. Th. H. Van De Veldi seorang doktor wanita menasihatkan wanita yang tidak bersunat supaya selalu membersihkan di bahagian klitoris, lebih-lebih lagi sulcus coronairus. Menurut kajian kimia, kaum perempuan lebih banyak spegma preepum keadaannya kemerahan-merahan, bengkak dan keluar lendir yang menyebabkan rasa gatal dan pedih bila tiba masa-masa tertentu.⁴²

Waktu Berkhatan

Majoriti ulama berpendapat tidak ada waktu tertentu untuk berkhatan dan tidak pula diwajibkan semasa kecil. Menurut Ibnu al-Qayyim dan satu riwayat dalam mazhab Syafi'i wali wajib mengkhatakan anaknya sebelum mencapai umur baligh.⁴³

Adalah baik dan sunat jika khatan dilakukan selepas tujuh hari dilahirkan hingga umur anak tersebut sampai ke peringkat mumayyiz. Makruh mengkhatakan anak semasa umurnya belum tujuh hari dan wajib sekiranya anak telah mencapai usia baligh.⁴⁴

Pendapat yang sah menurut Imam Syafi'i ialah sunat mengkhatakan anak pada hari yang ketujuh selepas di lahirkan.⁴⁵ Ia didasarkan kepada hadis riwayat Jabir yang menjelaskan bahawa Rasulullah s. 'a.w. telah mengkhatakan Hasan dan Husin pada hari ketujuh selepas dilahirkan.⁴⁶

NOTA KAKI

1. Ibnu al-Manzir; *Lisan al-Arab* m.s. 1102 juzu' 2.
2. 'Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyyah al-Aulad* juzu' 1, m.s. 109.
3. Ibnu al-Qiyyim al-Jauzi, *Tuhfatu al-Maudud Bi ahkami al-Maulud*, Dar al-Kutub, Bairut m.s. 106.
4. Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, m.s. 549.
5. 'Abdullah Nasih Ulwan, *op.cit.*, m.s. 109.
6. Al-Syawkani, *Nailu al-Autar*, juzu' 1, m.s. 133-134.

Hukum Berkhatan

7. Al-Jawziyyah, Ibnu Qayyim, *op.cit.*, m.s. 106. Ibnu Taimiyyah, *al-Fatawa al-Kubra*, m.s. 51-52 Dar al-Maarif.
8. Muhammad Ali Qutub, *Tauhfatu al-Aris wa al-'Arus* : rajah satu m.s. 167.
9. Abu Daud, Sunan Abi Daud, Bab Adab, m.s. 167
10. Ahmad Ibnu Hambal, Musnad Imam Ahmad, m.s. 433.
11. Ahmad bin Ali bin Hajar; *Fath al-Bari Syarhu Zahih al-Bukhari*, Jilid 11., m.s. 88. Imam Muslim; *Sahih Muslim Bisyarahi al-Nawawi*, juzu' 3. m.s. 146-147.
12. *Ibid.*, jilid 6, m.s. 391.
13. *Ibid.*, m.s. 388.
14. Imam Malik; *al-Muwata'*: juzu' 2.
15. Al-Jawziyyah, Ibnu Qayyim, *Zadu al-Ma'ad*, Jilid 1, m.s. 19.
16. As-Syaukani, *op.cit.*, m.s. 134.
17. Al-Jawziyyah, *op.cit.*, *Tuhfah*, m.s. 131.
18. Imam Muslim, *op.cit.*, 146-147, Ibnu Hajar *op.cit.*, m.s. 88.
19. *Ibid.*, m.s. 88.
20. Ibnu al-Qayyim, *op.cit.*, *Tuhfah*, m.s. 113. Ibnu Qudamah *al-Mughni wa Syarhu al-Kabir*, Jilid 1, m.s. 100-101.
21. Ibnu al-Qayyim, *op.cit.*, 136.
22. Al-Syaukani, *op.cit.*, juzu' 1, m.s. 136
23. *Ibid.*
24. Ibnu Taimiyyah, *al-Fatawa al-Kubra*, *Dar al-Ma arif* m.s. 51-52; al-Syaukani, *op.cit.*, m.s. 134.
25. Abu Suraih Muhammad Hadi, *Ahkamu al-Taharah fi fiqhu al-Islami ala Mazahibu al-Arbaah*, m.s. 55.
26. Al-Syaukani, *op.cit.*, m.s. 1/136.
27. Ibnu Qudamah, *op.cit.*, m.s. 100-101.
28. Ahmad bin Hambal, *op.cit.*, m.s. 6/433
29. Abu Daud - Sunan Abi Daud, Bab Adab, m.s. 167.

30. Al-Syaukani, *op.cit.*, m.s. 261.
31. Yusuf Qardhawi (Dr), *Fatawa al-Muasirah* - siri pertama, cetakan pertama, m.s. 384.
32. Imam al-Akbar Mahmud Syaltut, *al-Fatawa disrah Limusykilati al-Muslim al-Muasirah fihayati al-Yaumiyah al-ammah*, m.s. 333-334.
33. Abdullah Nasih Ulwan, *op.cit.*, m.s. 117.
34. Abu Daud, *op.cit.*, m.s. 167.
35. Ahmad - Ibnu Hambal - *op.cit.*, m.s. 433.
36. Ibn al-Qayyim, *op.cit.*, Tuhfah m.s. 131.
37. Ab. Halim Jalil (Dr) *Majalah Timang*, November, Disember, 1988.
38. Abdullah Nasih Ulwan, *op.cit.*, m.s. 117; Naveen Mohidden bin Syed Mohammad, *Sesuatu Yang Anda Malu Tentang Kelamin Dalam Islam*, Syarikat Nurulhas m.s. 24-27.
39. *Ibid.*
40. *Ibid.*
41. *Ibid.*
42. Abu Kadir Awang, *Sejarah Berkhitan, Utusan Kiblat*, September 1972, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur 1972, hal. 21.
43. Al-Syaukani, *op.cit.*, ms. 1/134, *al-Juziyyah*, *op.cit.*, Tuhfah, m.s. 125.
44. Al-Jauziyyah, *Ibid.*, Tuhfah, m.s. 126-127.
45. *Ibid.*, m.s. 58.
46. Al-Syaukani, *op.cit.*, m.s. 134.